



lokal

97.78 peratus syarikat produksi tak carum KWSP

Putrajaya: Sebanyak 97.78 peratus syarikat penerbitan filem, drama dan seni tidak mencarum Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) bagi pelakon kanak-kanak dan orang muda.

Dapatan itu diperoleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) menerusi Kajian Penggajian Pelakon Kanak-Kanak dan Orang Muda Dalam Filem dan Drama di Semenanjung Malaysia.

Ketua Perangkawan Malaysia, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin berkata, banyak syarikat tidak memiliki kesedaran keperluan mencarum untuk pelakon kanak-kanak dan orang muda.

“Dalam konteks ini, seperti yang kita nyatakan, 97.78 peratus itu adalah keadaan yang melihat ketidakseseran bahawa mereka sepatutnya juga dicarumkan untuk caruman.

“Jadi, perkara ini antara yang dicadangkan semasa kita menemui bual pelakon kanak-kanak zaman dahulu seperti Aziz M Osman dan Fauziah Ahmad Daud.

“Mereka berkongsi pengalaman menerima tawaran sebagai orang yang terbabit dalam bidang seni, tetapi mereka punya kebijakan pada ketika itu mungkin tidak ada satu kesedaran tinggi,” katanya kepada Harian Metro.

Mohd Uzir bagaimanapun menjelaskan keputusan itu tidak boleh digeneralisasikan kerana ia kajian bersasar ter-

hadap pelakon kanak-kanak sahaja.

“Kalau kita lihat, ini salah satu kajian yang menggunakan kajian bersasar yang kita teliti senario pelakon kanak-kanak dalam drama.

“Saya yakin, ini tidaklah boleh kita jadikan satu generalisasi kepada keseluruhan industri bagi sektor perfileman, drama dan seni. Fokus kita adalah kepada kanak-kanak.

“Kemungkinan, apa yang berlaku, mereka (syarikat) tidak melihat mereka (pelakon kanak-kanak) itu sebagai penjana pendapatan atau ‘breadwinner’ kepada keluarga.

“Jadi, mungkin kalau orang dewasa, secara automatik syarikat akan melihat kekuatan akta dan keperluan untuk mencarum itu,” katanya kepada media pada Majlis Pelancaran Buku Laporan Kajian Penggajian Pelakon Kanak-kanak dan Orang Muda Dalam Filem dan Drama di Semenanjung Malaysia dan Kajian Diaspora Malaysia di Brunei Darussalam yang berlangsung di Jabatan Perangkaan Malaysia, semalam.

Selain itu, keputusan kajian turut menyaksikan 73.1 peratus syarikat yang terbabit dalam filem dan drama juga dilihat tidak mengetahui mengenai keperluan mendapatkan lesen hiburan awam sebelum menggajikan pelakon kanak-kanak dan orang muda.